



MESYUARAT AGUNG PUSPANITA MBSP KALI KE 21 TAHUN 2020

DIRASMIKAN OLEH

**YBHG. DATIN ARIDA BINTI ABDUL RAZAK
PENGERUSI PUSPANITA NEGERI PULAU PINANG**

Pada :

5 Februari 2020

Hari :

Rabu

Jam :

8:30 Pagi

Tempat :

**Auditorium , Menara Bandaraya
Majlis Bandaraya Seberang Perai**

**AHLI JAWATANKUASA INDUK PUSPANITA
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI SESI 2019-2021**



| BIL | PERKARA | MUKASURAT |
|------------|--|------------------|
| 1 | Lagu PUSPANITA | 4 |
| 2 | Carta Organisasi Ahli Jawatankuasa Induk PUSPANITA MBSP Sesi 2019-2021 | 5-6 |
| 3 | Visi, Moto & Misi PUSPANITA | 7 |
| 4 | Notis Mesyuarat Agung PUSPANITA MBSP Ke-21 Tahun 2020 | 8 |
| 5 | Atur Cara Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Tahunan PUSPANITA MBSP Kali Ke-21 | 9 |
| 6 | Agenda Mesyuarat Agung PUSPANITA MBSP Ke-21 | 10 |
| 7 | Minit Mesyuarat Agung PUSPANITA Ke-20 Tahun 2019 | 11-29 |
| 8 | Laporan Setiausaha Bagi Penganjuran Program / Aktiviti / Projek PUSPANITA Tahun 2019 | 30-51 |
| 9 | Penyata Kewangan PUSPANITA MPSP Tahun Berakhir 31 Disember 2019 | 52 |
| 10 | Pembentangan Usul Bertulis Mesyuarat Agung Tahunan Ke 21 | 53-57 |
| 11 | Hal-hal Lain | 58 |

Lagu PUSPANITA

PUSPANITA, PUSPANITA, PUSPANITA

Tenaga isteri dan wanita

PUSPANITA, PUSPANITA, PUSPANITA

Tenaga isteri dan wanita

**Bulan bintang empat belas penjuru
Lambang keutuhan bersatu padu
Isteri, pegawai, kakitangan semua
Berganding bahu saling membantu**

**Bunga padi tanda keteguhan
Bergaul mesra tak kira keturunan
Beramah tamah tak kira pangkat
Tujuan asal capai matlamat**

**Sudah menjadi rasmi pembangunan
Isteri bersama memberi kebajikan
Di samping itu bertukar pandangan
Menambah ilmu serta pengetahuan**

**PUSPANITA mengorak langkah
Peranan suri mendidik diasah
Sifat kewanitaan meninggikan maruah
Perikemanusiaan menjadi falsafah**

PUSPANITA, PUSPANITA, PUSPANITA

Tenaga isteri dan wanita


PUSPANITA, PUSPANITA, PUSPANITA

Tenaga isteri dan wanita...





CARTA ORGANISASI PUSPANITA MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI





BIRO-BIRO AJK INDUK PUSPANITA SESI 2019 - 2021

BIRO PENDIDIKAN DAN KEBAJIKAN

**Puan Norihan Ismail (Ketua Biro)
Puan Azizah Ismail (AJK)
Puan Nor Hapizah Mat Yusof (AJK)
Puan A'noI Jariah Ilias (AJK)**

BIRO KESENIAN DAN KEBUDAYAAN

**Cik Rohanawati Ahmed (Ketua Biro)
Puan Azila Abd Aziz (AJK)
Puan Yamuna A/P Thiagarajan (AJK)**

BIRO LAWATAN DAN REKREASI

**Puan Sandrakala A/P Subramaniam (Ketua
Biro)
Puan Aszalina Romli (AJK)
Puan Noraini Saad (AJK)**

BIRO EKONOMI

**Puan Sarimah Ismail (Ketua Biro)
Puan Norhaida Omar (AJK)
Cik Maslifah Asli (AJK)
Cik Norhazlina Ismail (AJK)
Puan Siti fairuz Bohari (AJK)**

BIRO ICT DAN SERANTA

**YM Raja Mashitah YM Raja Zainal (Ketua Biro)
Puan Siti Juhairah Mohamad (AJK)
Puan Suhani Mohamad Yusof (AJK)**

BIRO PEMBANGUNAN WANITA

**Puan Norshazila Alias (Ketua Biro)
Puan Easvari Pradhaa A/P Manogran (AJK)**



VISI PUSPANITA Ke Arah PUSPANITA Cemerlang

MOTO PUSPANITA Wanita Sepakat Negara Meningkatkan

MISI PUSPANITA

Untuk menjadi wanita berdaya saing, berkualiti, berilmu, berkemahiran, berketrampilan dan bertaqwa supaya dapat menyumbang kepada pembangunan diri, keluarga dan masyarakat.



NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PUSPANITA MBSP KALI KE 21 TAHUN 2020

PUSPANITA MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

Ruj. Kami : SU/PUSPA/MPSP/2020/09
Tarikh : 30 Januari 2020

**Semua Ahli PUSPANITA & Suri
Majlis Bandaraya Seberang Perai**

YBhg. Datin / Puan / Cik

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PUSPANITA MPSP KALI KE-21

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa PUSPANITA MBSP akan mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-21 seperti ketetapan berikut :

Tarikh : 5 Februari 2020 (Rabu)
Masa : 8.30 pagi (Seperti Di Lampiran 1 & 2)
Tempat : Auditorium MBSP Bandar Perda

3. Dimaklumkan bahawa meja jualan di bawah kelolaan PUSPANITA MBSP akan dibuka mulai 9.00 pagi hingga 4.00 petang di Perkarangan Lobi Bangunan Ibu Pejabat MBSP. YBhg. Datin/Puan/Cik adalah dibenarkan untuk membeli barangan dan membuat bayaran secara potongan gaji kakitangan Majlis Bandaraya Seberang Perai.

4. Sehubungan dengan itu, YBhg. Datin/Puan/Cik dijemput untuk menghadiri mesyuarat tersebut bagi menunaikan tanggungjawab sebagai ahli PUSPANITA. Segala kerjasama dan perhatian lanjut bagi menjayakan mesyuarat agung ini didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

**“WANITA SEPAKAT NEGARA MENINGKAT”
“PUSPANITA MPSP – DINAMIK DAN CEMERLANG”**

Normaira

(NORMAIRA BT ABDUL RAHMAN)
Setiausaha PUSPANITA
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**ATUR CARA MAJLIS PERASMIAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN
PUSPANITA MBSP KALI KE-21**

8.30 – 9.00 pagi: Pendaftaran Ahli

9.10 pagi : Ketibaan Jemputan

9.20 pagi : Ketibaan YBhg. Datin Hajah binti Che Limah bt Ujang
Pengerusi PUSPANITA MPSP

Ketibaan YBhg. Dato' Sr Haji Rozali bin Haji Mohamud
Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai

9.40 pagi: Ketibaan YBhg Datin Arida binti Abdul Razak
Pengerusi PUSPANITA Negeri PULAU PINANG

: Nyanyian Lagu Negaraku, Untuk Negeri Kita dan PUSPANITA

: Bacaan Doa

: Ucapan Aluan oleh YBhg. Datin Hajah binti Che Limah bt Ujang
Pengerusi PUSPANITA MBSP

: Ucapan Perasmian oleh YBhg Datin Arida binti Abdul Razak
Pengerusi PUSPANITA Negeri Pulau Pinang

: Penyampaian Hadiah Oleh YBhg. Datin Pengerusi PUSPANITA Negeri Pulau Pinang kepada :
▪Ahli-ahli PUSPANITA MBSP yang bakal bersara / bersara
▪Anak-anak Ahli PUSPNITA yang cemerlang dalam Peperiksaan UPSR, PT3 & SPM dan STPM.

: Penyampaian Cenderahati Oleh YBhg. Datin Hajah Che Limah bt Ujang kepada Kepada YBhg Datin Arida binti Abdul Razak

10.30 ptg : Minum pagi dan tetamu bersurai

AGENDA MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PUSPANITA MBSP KALI KE 21

- 11.00 pagi : Semua ahli mengambil tempat
Pelantikan Pengerusi Mesyuarat
Ucapan Aluan oleh YBhg. Datin Pengerusi PUSPANITA
Pengesahan Minit Mesyuarat Agung Kali Ke-20
Laporan Setiausaha PUSPANITA MPSP
Pembentangan Perancangan Program / Aktiviti PUSPANITA Tahun 2020
Laporan Bendahari PUSPANITA MPSP
Perbincangan Usul-usul Bertulis
Hal-hal Lain
Penangguhan Mesyuarat
(Cabutan bertuah akan diadakan di antara agenda ini)
Jamuan Makan Tengahari

MINIT MESYUARAT AGUNG PUSPANITA MPSP KALI KE 20



**MINIT MESYUARAT AGUNG
PERSATUAN SURI DAN ANGGOTA WANITA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA
(PUSPANITA)
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI (MPSP)
KE – 20 TAHUN 2019**

TARIKH

16 JANUARI 2019 (RABU)

MASA

10.30 PAGI

TEMPAT

AUDITORIUM, MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI
JALAN PERDA UTAMA

KEHADIRAN – 360 ORANG

1. MELANTIK Pengerusi Mesyuarat Agung PUSPANITA MPSP ke-20 bagi Tahun 2019

1.1 Puan Nur Zamzarina Othman dari Jabatan Khidmat Pengurusan telah mencadangkan Puan Siti Haslinda Hassan sebagai Pengerusi Mesyuarat Agung PUSPANITA Majlis Perbandaran Seberang Perai ke-20 dan telah disokong oleh Puan Ir.Hajah Rosnani Haji Mahmud.

2. UCAPAN ALUAN OLEH Pengerusi Mesyuarat

2.1 Puan Siti Haslinda Hasan selaku Pengerusi Mesyuarat mengucapkan salam dan selamat pagi kepada semua ahli-ahli PUSPANITA MPSP yang hadir ke mesyuarat pada pagi ini yang terdiri daripada ahli-ahli yang masih bertugas, ahli yang telah bersara dan juga ahli SURI yang merupakan isteri kepada kakitangan MPSP. Pengerusi juga merakamkan ucapan terima kasih kepada ahli-ahli PUSPANITA kerana memberi kepercayaan kepada beliau sekali lagi untuk mempengerusikan mesyuarat ini.

3. PERUTUSAN Pengerusi PUSPANITA MPSP

3.1 YBhg. Datin Hajah Che Limah bt Ujang, Pengerusi PUSPANITA MPSP mengucapkan salam dan mengalu-alukan kehadiran semua ahli PUSPANITA MPSP yang hadir ke mesyuarat pada petang ini.

3.2 Pengerusi PUSPANITA MPSP menyatakan semua ahli-ahli PUSPANITA perlu mengambil tanggungjawab dan melaksanakan segala program berpersatuan dengan hati yang ikhlas. Pengerusi amat mengalu-alukan cadangan idea-idea yang bernas dalam menjadikan PUSPANITA MPSP terus cemerlang dalam arena berpersatuan.

4. MENERIMA DAN MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT AGUNG PUSPANITA MPSP KE – 19 TAHUN 2018 BERTARIKH 6 FEBRUARI 2018

4.1 Minit Mesyuarat Agung PUSPANITA MPSP Ke-19 Tahun 2018 yang telah diadakan pada 6 Februari 2018 telah disahkan tanpa pindaan oleh Puan Norshazila Alias daripada Jabatan Perbendaharaan dan disokong oleh Puan Siti Syafiqah Yusop daripada Jabatan Khidmat Pengurusan.

5. LAPORAN SETIAUSAHA PUSPANITA MPSP

5.2 Laporan dibentangkan oleh Cik Normaira bt Abdul Rahman, Setiausaha PUSPANITA MPSP sesi 2019. Keahlian PUSPANITA MPSP sehingga 4 Januari 2019 adalah seramai 557 orang. Pertambahan ahli setiap tahun adalah menggalakkan, namun usaha yang berterusan perlu dilaksanakan bagi meningkatkan penyertaan kakitangan MPSP dan isteri kakitangan untuk menyertai PUSPANITA.

5.3 Sebanyak 25 aktiviti telah dianjurkan oleh PUSPANITA MPSP sepanjang tahun 2019 yang melibatkan Jawatankuasa Induk dan 6 biro. Di samping itu juga PUSPANITA MPSP turut melibatkan diri dengan aktiviti-aktiviti anjuran PUSPANITA Negeri Pulau Pinang dan dalam tahun 2019 yang lalu, kita telah menyertai 3 program luar sebagai tanda sokongan dan perpaduan.

6. LAPORAN BENDAHARI PUSPANITA MPSP

6.1 Laporan kewangan dibentangkan oleh Puan Rahida Binti Abdul Rahim, Bendahari PUSPANITA MPSP.

6.2 Pendapatan bagi tahun 2018 yang diperoleh adalah sebanyak RM 381,132.70. Bayaran kontrak makanan dan lain-lain biayaan bagi program-program adalah RM 383,196.40 yang mana mengalami defisit berjumlah RM 2,063.70.

7. PERBINCANGAN USUL-USUL BERTULIS

7.1 Usul bertulis seperti di *Lampiran*.

8. HAL-HAL LAIN

8.1 Status Kehadiran ke Mesyuarat Agung

Setiausaha PUSPANITA MPSP membentangkan status kehadiran ahli ke Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke – 20 adalah berjumlah 360 orang ahli dan SURI.

9. PENANGGUHAN MESYUARAT

YBhg. Datin Pengerusi Mesyuarat mengucapkan ribuan terima kasih dan syabas kepada semua AJK yang telah menyumbang tenaga dalam menjayakan Mesyuarat Agung Kali Ke 20 Tahun 2019. Ribuan terima kasih kepada ahli-ahli PUSPANITA & SURI yang sudi hadir dalam melaksanakan tanggungjawab dalam persatuan. Semoga segala perancangan tahun 2019 dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 1.45 petang

tt

(NORMAIRA ABDUL RAHMAN)

Setiausaha PUSPANITA

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**PEMBENTANGAN USUL
BERTULIS MESYUARAT
AGUNG TAHUNAN KALI
KE 20 TAHUN 2019**



PEMBENTANGAN USUL BERTULIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE 20

| | |
|-----------------|--|
| Nama | Siti Munirah Binti Sabdin |
| Jabatan | Landskap |
| Tajuk Usul | Bantuan Sara Hidup |
| Penerangan Usul | Bantuan pinjaman bagi kemasukan sekolah anak-anak bagi yang memerlukan. |
| Jawapan | Kedudukan kewangan PUSPANITA MPSP tidak mengizinkan bagi pemberian dana pinjaman bagi kemasukan sekolah anak-anak ahli-ahli. |

| | |
|------------------------|---|
| Nama | Noredayu Binti Ismail (Suri) Hasmidi Bin Ismail (Suami) |
| Jabatan | Landskap |
| Tajuk Usul | Kemudahan Pinjaman Kenderaan & Peribadi |
| Penerangan Usul | <ul style="list-style-type: none"> i. Kemudahan pinjaman wang untuk peribadi dan kenderaan. ii. Mengenakan faedah rendah dan berpatutan iii. Tempoh pinjaman yang fleksibel |
| Jawapan | Kedudukan kewangan PUSPANITA MPSP terbatas bagi pemberian pinjaman kenderaan dan peribadi. Walau bagaimanapun PUSPANITA mencadangkan permohonan boleh dibuat melalui Jabatan Khidmat Pengurusan MPSP dan KOSPEMA. |

| | |
|-----------------|--|
| Nama | Siti Fatimah Binti Ismail |
| Jabatan | Landskap |
| Tajuk Usul | Treasure Hunt |
| Penerangan Usul | <ul style="list-style-type: none">i. Aktiviti berkumpulii. Semangat kerjasama antara jabataniii. Aktiviti Outdoor / Rekreasi |
| Jawapan | Biro Lawatan dan Sosial akan menganjurkan aktiviti berbentuk outdoor/reareasi yang lain seperti team building dan snorkeling pada 29 Februari 2020 (Sabtu) di Pulau Songsong, Yan, Kedah. Iklan bagi program tersebut akan diadakan dalam masa terdekat. |

| | |
|-----------------|---|
| Nama | A'noI Jariah Binti Ilias |
| Jabatan | Bangunan |
| Tajuk Usul | Aktiviti Untuk Ahli |
| Penerangan Usul | Memperbanyakkan aktiviti bersama ahli-ahli untuk mengeratkan lagi silaturahim kerana terdapat penglibatan ahli-ahli baru pada tahun 2019 |
| Jawapan | PUSPANITA MPSP mengambil maklum bagi cadangan tersebut. Maklumat berkaitan aktiviti/program tahun 2020 akan dipaparkan di laman web PUSPANITA MBSP bermula 7 Februari 2020. |

| | |
|-----------------|--|
| Nama | Fatin Habsah Binti Ahmad |
| Jabatan | Kemasyarakatan |
| Tajuk Usul | Mengadakan bengkel / Forum bertajuk: (Menjadi Wanita / Pekerja yang positif) |
| Penerangan Usul | i. Menjemput ahli motivasi / penceramah ii. Isu perbincangan:- Pembentukan pemikiran positif keluar dari kepompong negative menjadi manusia produktif |
| Jawapan | Biro Pembangunan Wanita telah menjalankan 2 sesi Bengkel Work Life Balance di LPPKN di mana terdapat slot pengurusan Emosi dan Pemikiran, Menangani Stress dan lain-lain. Bagi tahun 2020, Biro Pembangunan Wanita telah merancang 2 sesi Bengkel Work Life Balance di LPPKN. Walau bagaimanapun PUSPANITA MBSP sentiasa mengalu-alukan cadangan daripada ahli untuk program-program pembangunan wanita. |

| | |
|------------------------|---|
| Nama | Normah Binti Abd Halim |
| Jabatan | Undang-Undang |
| Tajuk Usul | Sumbangan Hari Lahir Untuk Ahli Puspanita |
| Penerangan Usul | <p>i. Penghargaan kepada ahli puspanita untuk Sumbangan Hari Lahir</p> <p>ii. Contoh:</p> <ul style="list-style-type: none">-Voucher seperti KFC, Pizza, Giant-Hamper makanan asas atau lain-lain-Cenderamata ringan contoh: Mug, Pen & lain-lain |
| Jawapan | PUSPANITA tiada cadangan bagi pemberian hadiah untuk hari lahir. Cenderahati bagi perayaan dan cenderahati Mesyuarat Agung merupakan salah satu insentif PUSPANITA MBSP kepada ahli dan SURI. |

| | |
|-----------------|--|
| Nama | Siti Rahmah Binti Md Yusoff |
| Jabatan | Undang-Undang |
| Tajuk Usul | Baju Batik dan Tudung Puspanita |
| Penerangan Usul | Baju Batik dan Tudung Puspanita hendaklah dibekalkan kepada ahli-ahli puspanita secara percuma. Sebagaimana AJK memperolehinya secara percuma. Ahli-ahli juga ada membuat bayaran bagi menjadi ahli puspanita. |
| Jawapan | Pemberian baju batik PUSPANITA hanya kepada AJK Induk PUSPANITA MBSP sahaja. PUSPANITA tidak membekalkan baju batik tersebut kepada ahli-ahli kerana kos bagi baju tersebut adalah tinggi. Walau bagaimanapun, untuk tempahan, belian boleh dibuat melalui PUSPANITA MPSP. |

| | |
|-----------------|---|
| Nama | Siti Khatijah Binti Mohd Sariff |
| Jabatan | Undang-Undang |
| Tajuk Usul | Insuran Kelompok |
| Penerangan Usul | <p>i. Mencadangkan Supaya Insuran kelompok untuk setiap ahli:</p> <ul style="list-style-type: none">- Bayaran melalui potongan gaji kakitangan (ahli Puspanita)- Diuruskan oleh pihak puspanita. |
| Jawapan | Tiada cadangan bagi pembelian insurans kelompok kepada ahli-ahli PUSPANITA MBSP. |

| | |
|-----------------|--|
| Nama | Oo Kooi Choo |
| Jabatan | Undang-Undang |
| Tajuk Usul | Cenderahati Kepada Pesara |
| Penerangan Usul | <p>i. Memberi cenderahati kepada pesara ahli puspanita mengikut tempoh keahlian.</p> <p>ii. Contoh :</p> <ul style="list-style-type: none">1 - 5 tahun = RM 506 - 10 tahun =RM 10011 - 15 tahun = RM 15015 - 20 tahun = RM 20021 tahun ke atas =RM 300 |
| Jawapan | Mesyuarat AJK Induk Bil.6/2018 yang telah bersidang pada 10 Januari 2019 telah meluluskan peruntukan belian cenderahati kepada pesara daripada RM 50.00 kepada RM 100.00 |

| | |
|-----------------|---|
| Nama | Rafidah Binti Abdul Majid |
| Jabatan | Undang-Undang |
| Tajuk Usul | T-Shirt Puspanita Secara Percuma |
| Penerangan Usul | Memohon puspanita untuk memberikan T-shirt secara percuma kepada semua ahli puspanita bagi tujuan program-program seperti gotong-royong dan sebagainya. |
| Jawapan | PUSPANITA MPSP mencadangkan bagi pemberian cenderahati Mesyuarat Agung Tahunan 2020 adalah sehelai t-shirt kepada semua ahli-ahli PUSPANITA & SURI |

| | |
|------------------------|---|
| Nama | Zuliana Binti Zulkifli |
| Jabatan | Undang-Undang |
| Tajuk Usul | Nilai Sumbangan |
| Penerangan Usul | <p>i. Minta semua nilai sumbangan dinaikkan:</p> <ul style="list-style-type: none"><input type="checkbox"/> Untuk kelahiran dari RM50.00 dinaikkan kepada RM 100.<input type="checkbox"/> Semakan nilai sumbangan untuk ahli dan AJK:<ul style="list-style-type: none">-Ahli-RM60.00-AJK RM80.00<input type="checkbox"/> Nilai sumbangan yang hendak dikaji semula ini hendaklah mendapat persetujuan semua ahli puspanita |
| Jawapan | PUSPANITA MPSP mengambil maklum cadangan tersebut. Pemberian lebih kepada AJK Induk PUSPANITA sebanyak RM 20.00 adalah salah satu insentif PUSPANITA kepada AJK / Wakil Jabatan. |

| | |
|------------------------|---|
| Nama | Cik Normaira Abdul Rahman Setiausaha PUSPANITA MPSP |
| Jabatan | Unit Butterworth Baharu |
| Tajuk Usul | Notis dan Buku Mesyuarat Agung Tahunan PUSPANITA MPSP dihantar melalui email dan website PUSPANITA. |
| Penerangan Usul | Cadangan bagi Notis dan Buku Mesyuarat Agung Tahunan PUSPANITA MPSP adalah email dan website PUSPANITA. Tiada cetakkan secara hardcopy akan dibuat selaras dengan penjimatan penggunaan kertas. |
| Jawapan | PUSPANITA MBSP akan memaparkan di laman web dan email jabatan dan tiada cetakan untuk ahli dan suri. |

| | |
|------------------------|--|
| Nama | Cik Normaira Abdul Rahman Setiausaha PUSPANITA MPSP |
| Jabatan | Unit Butterworth Baharu |
| Tajuk Usul | Penubuhan Biro untuk memperkasakan program Gender Responsive Participatory Budgeting (GRPB). |
| Penerangan Usul | Penubuhan biro untuk melaksana, memantau dan menyelaraskan program berkaitan GRPB. |
| Jawapan | Biro Pembangunan Wanita telah ditubuhkan pada Mac 2019 yang diketuai oleh Puan Norshazila Alias. |

| | |
|------------------------|---|
| Nama | Cik Normaira Abdul Rahman Setiausaha PUSPANITA MPSP |
| Jabatan | Unit Butterworth Baharu |
| Tajuk Usul | Pemberian 10 Pakej Cabutan Bertuah Mesyuarat Agung Tahunan PUSPANITA MPSP |
| Penerangan Usul | Cadangan untuk pemberian 10 pakej cabutan bertuah untuk Mesyuarat Agung Tahunan PUSPANITA MPSP yang mana 10 orang ahli akan bertuah untuk menerima pakej tersebut. |
| Jawapan | Cadangan ini tidak diteruskan kerana ahli dan suri menyatakan keperluan hadiah adalah perlu diteruskan sepertimana keadaan semasa iaitu dengan kuantiti yang banyak agar ramai ahli dan suri yang turut memperoleh hadiah tersebut. |



LAPORAN SETIAUSAHA BAGI PENGANJURAN PROGRAM / AKTIVITI / PROJEK PUSPANITA TAHUN 2019



| INDUK / BIRO | STATISTIK PROGRAM |
|------------------------|--------------------------|
| INDUK PUSPANITA | 6 |
| Kebajikan & Pendidikan | 8 |
| Pembangunan Wanita | 3 |
| Lawatan & Rekreasi | 3 |
| Kesenian & Kebudayaan | 5 |
| Jumlah | 25 |

Laporan Setiausaha ini dibentangkan adalah bertujuan untuk memberi makluman kepada semua ahli-ahli PUSPANITA MBSP berkenaan aktiviti yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2019. Keahlian PUSPANITA MBSP sehingga 23 Januari 2020 adalah seramai 588 orang.

PROGRAM / AKTIVITI / PROJEK DI BAWAH INDUK PUSPANITA MPSP


| Bil | Tempat, Masa & Tarikh | Maklumat Ringkas Aktiviti / Projek | Peserta |
|-----|--|--|-------------------------------------|
| 1 | 16 Januari 2019 Rabu Auditorium, Menara MPSP Bandar Perda | Mesyuarat Agung PUSPANITA MPSP kali ke-20 Tahun 2019 | 60 Ahli & SURI PUSPANITA |
| 2 | 3 Mac 2019 Lebuh Tenggara, Seberang Jaya | PUSPANITA MPSP di Car Free Morning MPSP Sempena Sambutan Hari Wanita Sedunia 2019 | 30 orang AJK & Ahli |
| 3 | 13 Mac 2019 The Light Hotel, Seberang Jaya | Bengkel Perancangan Program PUSPANITA MPSP Tahun 2019 | 31 AJK Induk PUSPANITA MPSP |
| 4 | 28 Mei 2019 Menara MPSP | Pemberian Goodies Hari Raya Aidilfitri 1440H Tahun 2019 | Semua Ahli PUSPANITA & SURI |
| 5 | 6 September 2019 Menara MPSP | Program Membentuk Gaya Hidup Sihat Dalam Komuniti Bersama Institut Perubatan dan Pergigian Termaju (IPPT) USM | 160 orang ahli PUSPANITA MPSP |

| Bil | Tempat, Masa & Tarikh | Maklumat Ringkas Aktiviti / Projek | Peserta |
|-----|---|--|-------------|
| 6 | 17 September 2019 Perkarangan Menara MBSP | Pertandingan Memasak Sempena Pengistiharaan MBSP & Pemahsyuran Datuk Bandar MBSP | 20 kumpulan |





**Keberangkatan KeBawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka baginda Raja Permaisuri Agong Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Binti Almarhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj
Majlis Santapan Tengah Hari Bersama Kepimpinan Wanita Pulau Pinang**





BIRO KEBAJIKAN & PENDIDIKAN





| Program, Tempat, Masa & Tarikh | Maklumat Ringkas Aktiviti / Program | Peserta |
|--|---|-----------------------------|
| <p>3 Mei 2019 Mezzanine Floor, Menara MBSP</p> <p>Kelas Masakan PUSPANITA MBSP Bersama Noxxa</p> | <p><input type="checkbox"/> Program Memasak bersama Noxxa ini adalah untuk memberi pendedahan kepada ahli-ahli PUSPANITA tatacara penggunaan periuk Noxxa dan berkongsi resepi masakan.</p> | <p>14 orang peserta</p> |
| <p>24 Mei 2019 Menara MBSP</p> | <p><input type="checkbox"/> Program pengumpulan pakaian yang terpakai ini adalah dengan kerjasama Ahli Majlis MBSP. Diagihkan pada bulan Ramadhan 1440H yang mana merupakan salah satu usaha untuk meringankan beban golongan yang memerlukan dalam menyambut Hari Raya Aidilfitri.</p> | |

| Program ,Tempat, Masa & Tarikh | Maklumat Ringkas Aktiviti / Projek | Peserta |
|--|---|------------------------------|
| <p>Program Pemberian Sumbangan Kepada Kakitangan MPSP Sempena Ramadhan Al-Mubarak 1440H</p> <p>Anjuran PUSPANITA MBSP</p> <p>29 Mei 2019 10.00 pagi</p> <p>Auditorium MBSP, Bandar Perda</p> | <ul style="list-style-type: none"> ❑ Program ini diadakan bertujuan untuk memberi sumbangan kepada kakitangan MPSP yang kurang berkemampuan dan memerlukan bantuan bagi menyambut Ramadhan Al-Mubarak yang tiba. Sumbangan yang diterima ini sedikit sebanyak dapat meringankan penerima. ❑ Seramai 80 kakitangan telah dipilih untuk menerima sumbangan wang tunai RM 100.00 dan barangan keperluan harian daripada Pejabat Zakat Negeri Pulau Pinang. ❑ Majlis telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Sr Haji Rozali Haji Mohamud, Datuk Bandar MBSP Merangkap Penasihat PUSPANITA MBSP. | <p>80 Orang Penerima</p> |

| Program, Tempat, Masa & Tarikh | Maklumat Ringkas Aktiviti / Projek | Peserta |
|--|--|--|
| <p>Kutipan Tabung Sinar Kasih Sempena Ramadhan Al-Mubarak 1439 H Anjuran PUSPANITA MPSP</p> <p>30 April - 17 Mei 2019 Semua Jabatan Dalam MPSP</p> | <p>❑ Kutipan Tabung Sinar Kasih adalah untuk mengutip wang sumbangan bagi program kebajikan di kalangan kakitangan MPSP dan jumlah keseluruhan kutipan RM 6,936.00.00. Sebanyak RM 1000.00 telah disumbangkan kepada PUSPANITA Negeri Pulau Pinang bagi Majlis Penyerahan Bantuan Zakat Golongan yang memerlukan dan baki sumbangan disalurkan ke Tabung Sinar Kasih PUSPANITA MBSP.</p> | <p>Sumbangan Daripada Kakitangan MBSP</p> |
| <p>Lawatan Ziarah Kasih PUSPANITA MBSP</p> <p>26 Februari 2019 Kampung Bagan Dalam, Butterworth</p> | <p>❑ Lawatan bagi menziarahi Cik Azwaniza Abdul Hamid (Ahli PUSPANITA MBSP) daripada Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta kerana kejadian kebakaran rumah.</p> | <p>YBhg Datin Pengerusi, Puan Setiausaha Bandaraya dan Wakil AJK Induk</p> |

| Tempat, Masa & Tarikh | Maklumat Ringkas Aktiviti / Projek | Peserta |
|---|--|--|
| <p data-bbox="105 197 468 765">Majlis Sumbangan Kepada Orang Kurang Berkemampuan / Upaya Sempena Menyambut Bulan Ramadhan Al-Mubarrak Anjuran PUSPANITA Negeri Pulau Pinang</p> <p data-bbox="167 839 401 943">15 Mei 2019 8.30 pagi</p> <p data-bbox="105 1015 457 1175">Dewan Sri Pinang, Lebuh Light, Pulau Pinang</p> | <ul style="list-style-type: none"> <li data-bbox="534 197 1694 648">❑ Dianjurkan oleh PUSPANITA Negeri Pulau Pinang dengan kerjasama PUSPANITA seluruh Negeri Pulau Pinang. Program ini bertujuan untuk memberi sumbangan kepada warga Pulau Pinang yang kurang berkemampuan untuk menyambut Ramadhan Al-Mubarak. Sumbangan yang diberikan ini untuk meringan beban dalam menyambut Hari Raya Aidilfitri. Setiap penerima menerima barangan Pusat Urus Zakat dan wang tunai berjumlah RM 500.00 <li data-bbox="534 662 1694 822">❑ PUSPANITA MPSP telah mengemukakan seramai 30 orang nama penerima yang terdiri daripada komuniti Seberang Perai. | <p data-bbox="1736 197 2011 339">95 penerima seluruh Negeri Pulau Pinang</p> |

| Tempat, Masa & Tarikh | Maklumat Ringkas Aktiviti / Projek | Peserta |
|--|--|--------------------|
| <p>Majlis Khatam Al-Quran Sempena Bulan Ramadhan Al-Mubarak</p> <p>31 Mei 2019 Jumaat 12.30 tengahari Surau, MBSP</p> | <p>❑ Majlis Khatam Al-Quran yang diadakan ini bertujuan untuk menerapkan budaya cinta Al-Quran dalam kalangan ahli PUSPANITA. Majlis dimulakan dengan bacaan ayat suci Al-Quran oleh kesemua ahli yang hadir dengan diketuai oleh Ustazah Salasiah bt Khalid. Bacaan Al-Quran dimulai dengan surah Ad-Dhuha sehingga surah terakhir iaitu An-Nass seterusnya disudahi dengan bacaan doa. Setelah selesai slot khatam Al-Quran, majlis diteruskan lagi dengan Majlis Tahlil dan Solat Zohor secara berjemaah.</p> | <p>112 Peserta</p> |
| <p>Majlis Bacaan Yassin Bagi Menghadapi Peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Tahap Tiga (PT3) Dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) Untuk Anak-Anak Kakitangan MPSP</p> <p>30 Ogos 2019 Jumaat 12.30 tengahari Surau MBSP</p> | <p>❑ Majlis yang penuh barakah ini telah dihadiri oleh kakitangan dan pesara MPSP seramai 120 orang. Biro Pendidikan dan Agama menjemput Ustazah Salasiah bagi memimpin bacaan Yassin pada majlis tersebut. Majlis dimulakan dengan bacaan ayat suci Al-Quran oleh kesemua ahli yang hadir seterusnya disudahi dengan bacaan doa.</p> | <p>120 Peserta</p> |



PEMBANGUNAN WANITA





| Tempat, Masa & Tarikh | Maklumat Ringkas Aktiviti / Projek | Peserta |
|--|--|-------------------|
| <p>Bengkel Work Life Balance PUSPANITA MBSP</p> <p>4 Julai 2019</p> <p>Dewan Seminar Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara Cawangan Kepala Batas Pulau Pinang (LPPKN)</p> | <ul style="list-style-type: none"> ❑ Bengkel ini bertujuan untuk memberikan perspektif menyeluruh tentang pentingnya keseimbangan keluarga dan pekerjaan sebagai salah satu asas penting dalam kehidupan yang harmoni dan sejahtera ❑ Diharap dapat melahirkan peserta yang memperolehi kaedah-kaedah yang berkesan ke arah mempertingkatkan keyakinan diri dalam melaksanakan tanggungjawab, memperkembangkan personaliti individu ke arah yang positif untuk menyelesaikan kerumitan-kerumitan dengan berkesan dalam kehidupan, menjalinkan rangkaian kerja dengan individu sekeliling | <p>50 peserta</p> |
| <p>Bengkel Work Life Balance PUSPANITA MBSP</p> <p>1 Ogos 2019</p> <p>Dewan Seminar Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara Cawangan Kepala Batas Pulau Pinang (LPPKN)</p> | <p>(This cell contains the same text as the previous row, but it is not explicitly repeated in the image's content for this row's cell.)</p> | <p>50 peserta</p> |

| Tempat, Masa & Tarikh | Maklumat Ringkas Aktiviti / Projek | Peserta |
|--|--|-------------------|
| <p>Bowling PUSPANITA MBSP</p> <p>7 Disember 2019 Mydin, Seberang Perai</p> | <ul style="list-style-type: none"> <li data-bbox="596 225 1684 468">❑ Pertandingan Bowling PUSPANITA MBSP telah diadakan di Mydin Mall, Jalan Baru yang telah disertai oleh 65 orang ahli dan AJK Induk PUSPANITA. <li data-bbox="596 515 1684 686">❑ Pertandingan ini dilaksanakan selaras untuk menggalakkan aktiviti bersukan indoor kepada ahli PUSPANITA dan SURI MBSP. | <p>65 peserta</p> |



BIRO LAWATAN & REKREASI



| Tempat, Masa & Tarikh | Maklumat Ringkas Aktiviti / Projek | Peserta |
|--|---|-------------------------------|
| <p>Explorace Sungai Sedim PUSPANITA MBSP</p> <p>26 April 2019 Jumaat</p> <p>Sungai Sedim, Kulim, Kedah</p> | <p>❑ Program Explorace ini disertai oleh 5 orang ahli PUSPANITA MBSP.</p> | <p>5 orang ahli PUSPANITA</p> |
| <p>Team Building AJK Induk PUSPANITA MBSP</p> <p>23-25 Ogos 2019</p> <p>Pulau Langkawi, Kedah Darul Aman</p> | <p>❑ Team Building AJK Induk PUSPANITA MBSP adalah program yang akan dilaksanakan 2 tahun sekali kepada AJK Induk PUSPANITA MBSP. Program berbentuk team building adalah platform dalam membentuk kerjasama di kalangan AJK Induk dalam pemerkasaan program PUSPANITA MBSP.</p> | <p>16 AJK Induk</p> |

| Tempat, Masa & Tarikh | Maklumat Ringkas Aktiviti / Projek | Peserta |
|---|--|-----------------|
| <p>Lawatan Sehari ke Cameron Highlands 29-30 November 2019</p> <p>Cameron Highlands, Pahang</p> | <p>❑ Lawatan ini disertai oleh AJK , ahli dan keluarga terdekat yang turut serta dalam sesi lawatan ini. Komponen lawatan adalah ke Taman Agroteknologi MARDI, Cameron Valley Tea Plantation dan Kea Farm.</p> | <p>38 orang</p> |





LAPORAN BIRO KESENIAN DAN KEBUDAYAAN





| Tempat, Masa & Tarikh | Maklumat Ringkas Aktiviti / Projek | Peserta |
|--|---|---------|
| <p>Dua kali sebulan 1.00 ptg-2.00 ptg Tingkat 16, Menara MBSP</p> <p>Latihan Kompang</p> | <ul style="list-style-type: none"> ❑ Latihan diadakan pada 9 dan 10 Januari 2019 latihan di Tingkat 16 dan 14 Januari 2019 di Auditorium ❑ Kumpulan Kompang telah membuat persembahan pada 16 Januari untuk Mesyuarat Agung Tahunan PUSPANITA di Auditorium MBSP. | |
| <p>Dua kali sebulan 3.00 ptg - 9.00 mlm Kompleks Sukan Sony, Seberang Jaya</p> <p>Latihan Tarian</p> | <ul style="list-style-type: none"> ❑ Latihan bermula bulan Jun. Dilaksanakan kecuali pada hari Kompleks digunakan. Latihan terakhir akan diadakan pada 18 Disember 2019. | |
| <p>Dua kali sebulan 3.00 petang -5.00 petang Auditorium MBSP</p> <p>Latihan Kumpulan Muzik Harmoni</p> | <ul style="list-style-type: none"> ❑ 19 April 2019 telah buat sambutan semasa Majlis Keraian sempena Pengiktirafan Upcycle Park MBSP dalam The Malaysia Book of Records. Namun, latihan tidak dilaksanakan kerana pemuzik utama telah berhenti. | |

| Tempat, Masa & Tarikh | Maklumat Ringkas Aktiviti / Projek | Peserta |
|---|---|--|
| <p>Hi-Tea PUSPANITA MBSP 5 Julai 2019 IXORA Hotel, Perai</p> | <ul style="list-style-type: none"> ❑ Program ini dianjurkan bersama Biro Kesenian & Kebudayaan dan Biro Pembangunan Wanita dengan naungan Jawatankuasa Induk PUSPNITA MPSP. ❑ Tema bagi Hi-Tea 2019 adalah Black & Gold yang mana mendapat sambutan yang sangat menggalakkan daripada ahli PUSPANITA & SURI. | <p>223 orang ahli PUSPANITA termasuk VVIP jemputan, iaitu Pengerusi PUSPANITA Negeri Pulau Pinang Turut hadir Ahli Majlis MPSP</p> |
| <p>Majlis Jasamu Dikenang 18 Oktober 2019 Olive Tree Hotel, Bayan Lepas, Penang</p> | <ul style="list-style-type: none"> ❑ Telah disertai oleh PUSPANITA MBSP mengambil bahagian dalam pertandingan: <ul style="list-style-type: none"> i. Persembahan kumpulan ii. Persembahan Tiru Gaya Artis <p>PUSPANITA MBSP telah memenangi Johan bagi Persembahan Kumpulan dan Naib Johan bagi Tiru Gaya Artis</p> | <p>30 orang</p> |



BIRO EKONOMI

Tempat, Masa & Tarikh

Maklumat Ringkas Aktiviti / Projek

Pengurusan Penyediaan Makanan dan Minuman Untuk Program / Aktiviti Sepanjang Tahun / Berdasarkan Tempahan

Biro ini merupakan biro yang menyelaras penyediaan Jamuan Makan Minum Bagi Mesyuarat / Kursus Dalaman / Penganjuran Majlis / Acara Rasmi Dan Jamuan Keraian Rasmi Majlis. Bagi tahun 2019 PUSPANITA telah menyelaras penyediaan makanan dan minuman yang mana melibatkan terimaan dari MBSP sebanyak RM 616,816.60 dengan perbelanjaan berjumlah RM 502,212.85 yang membawa keuntungan adalah berjumlah RM 114,603.75.



LAPORAN KEWANGAN PUSPANITA MBSP SEHINGGA 31 DISEMBER 2019

**PERSATUAN SURI DAN ANGGOTA WANITA PERKHIDMATAN AWAM (PUSPANITA)
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI
KUNCI KIRA-KIRA SEHINGGA 31 DISEMBER 2019**

| | | |
|---|-------------------|-------------------|
| ASET TETAP | | |
| ASET TETAP (NOTA 3) | 6,813.00 | |
| (-) SUSUTNILAI TERKUMPUL | 5,788.43 | 1,024.57 |
| ASET SEMASA | | |
| BANK (NOTA 1) | 82,802.25 | |
| DEPOSIT TETAP | 15,000.00 | |
| TUNAI | 3,221.02 | |
| DEBTOR (NOTA 2) | 51,658.75 | |
| JUMLAH ASET SEMASA | 152,682.02 | |
| (-) LIABILITI SEMASA | | |
| CREDITOR (NOTA 4) | 10,486.39 | |
| ASET BERSIH | 142,195.63 | 142,195.63 |
| JUMLAH KESELURUHAN | | 143,220.20 |
| MODAL DAN TANGGUNGAN | | |
| TABUNG SINAR KASIH (NOTA 6) | 1,682.25 | |
| DEPOSIT | 5,000.00 | |
| KEUNTUNGAN TERKUMPUL (NOTA 5) | 132,534.07 | |
| | 139,216.32 | |
| (+/-) UNTUNG RUGI | | |
| KEUNTUNGAN PENDAPATAN DARI PERBELANJAAN | 4,003.88 | |
| | 143,220.20 | 143,220.20 |
| JUMLAH KESELURUHAN | | 143,220.20 |

DISEDIAKAN OLEH




(RAHIDA BT ABDUL RAHIM)
BENDAHARI PUSPANITA



(NORHAYATI BT GHAZALI)
JURUAUDIT PUSPANITA

DISAHKAN OLEH



(DATIN HJH CHE LIMAH BT UJANG)
PENERUSI PUSPANITA

(ROHAYA BINTI JAAFAR)
JURUAUDIT PUSPANITA


PERSATUAN SURI DAN ANGGOTA WANITA PERKHIDMATAN AWAM (PUSPANITA)
 MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI
 PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN SEHINGGA 31 DIS 2019


| PERKARA | PENDAPATAN | PERBELANJAAN | KEUNTUNGAN |
|---|-------------------|-------------------|-----------------|
| TERIMAAN BAYARAN MAKAN MESYUARAT MPSP | 616,816.60 | | |
| BAYARAN MAKAN MESYUARAT MPSP | | 502,212.85 | |
| TERIMAAN PELBAGAI | 557.00 | | |
| YURAN KEAHLIAN | 12,718.00 | | |
| SEWA GRADUAN KECIL | 13,750.00 | | |
| FAEDAH BANK/CAJ PERKHIDMATAN | 144.63 | | |
| SEWA GERAJ AGM 2018 | 300.00 | | |
| PENYEWA KANTIN BM (HN MEGA ENTERPRISE) | 1,800.00 | | |
| PENYEWA KANTIN PERDA (LADY B ENTERPRISE) | 6,300.00 | | |
| KEUNTUNGAN DARI PELABURAN | 510.00 | | |
| SUMBANGAN DARI MPSP | 5,000.00 | | |
| SEWA GERAJ IWD 2019 | 100.00 | | |
| PERBELANJAAN PELBAGAI | | 5,562.75 | |
| AGM PUSPANITA 2018 | | 21,715.05 | |
| SUMBANGAN KEBAJIKAN | | 17,000.00 | |
| SUMBANGAN HARI RAYA | | 6,811.25 | |
| ELAUN TELEFON | | 600.00 | |
| PUSPANITA NEGERI PULAU PINANG | | 3,555.40 | |
| PROGRAM SEDIM | | 80.10 | |
| ELAUN KEHADIRAN MESYUARAT AJK | | 3,540.00 | |
| MAJLIS KHATAM AL-QURAN | | 460.00 | |
| PROGRAM HI-TEA PUSPANITA | | 6,153.10 | |
| PIHAK BERKUASA AIR | | 470.65 | |
| TENAGA NASIONAL BERHAD | | 2,777.70 | |
| BIRO KEBUDAYAAN PUSPANITA | | 1,761.40 | |
| SUSUTNILAI SEMASA | | 113.80 | |
| ELAUN CIKGU KOMPANG | | 120.00 | |
| JAMUAN HARI RAYA | | 69,084.00 | |
| PEMBELIAN AHLI DI AGM PUSPANITA | | 20.00 | |
| PROGRAM TEAMBUILDING AJK INDUK | | 4,830.00 | |
| PROGRAM BACAAN YASIN | | 656.00 | |
| PROGRAM BOLING PUSPANITA | | 3,092.30 | |
| PROGRAM MAJLIS JASA MU DIKENANG, PULAU PINANG | | 3,376.00 | |
| JUMLAH KESELURUHAN | 657,996.23 | 653,992.35 | 4,003.88 |


 (DATIN HJH CHE LIMAH BT UJANG)
 Pengerusi


 (RAHIDA BT ABDUL RAHIM)
 Bendahari

Selaras dengan peruntukan di bawah Perkara 23, Perlembagaan Pusanita, kami telah memeriksa lembaran imbangan Penyata dan Perbelanjaan serta menyemak segala dokumen yang berkaitan. Pada pendapat kami, lembaran imbangan Penyata dan Perbelanjaan bagi Tahun 2019 adalah dibuat dengan cara betul serta menunjukkan keadaan sebenar. Kami dengan ini memperakui dan mengesahkan bahawa Penyata Kewangan yang disediakan adalah mengikut Peraturan - Peraturan Perkara 13 Perlembagaan Pusanita.


 (NORHAYATI BT GHAZALI)
 Juruaudit 1


 (ROHAYA BINTI JAAFAR)
 Juruaudit 2



**PEMBENTANGAN USUL
BERTULIS MESYUARAT
AGUNG TAHUNAN KALI
KE 21 TAHUN 2020**

PEMBENTANGAN USUL BERTULIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE 21

| | |
|------------------------------|---|
| Nama | Puan Siti Amirah Afiqah binti Noor Hashim |
| Jabatan / Induk PUSPANITA | Perancang Bandar |
| Tajuk Usul | Kelas / Seminar Untuk Ibu Mengandung |
| Penerangan Usul | <p>Kelas Pranatal</p> <ul style="list-style-type: none"><input type="checkbox"/> Ilmu persediaan sebelum bersalin<input type="checkbox"/> Pemakanan sihat untuk ibu mengandung<input type="checkbox"/> Cara menjaga bayi dari lahir sehingga 6 bulan<input type="checkbox"/> Kepentingan vaksin<input type="checkbox"/> Teknik bertenang ketika bersalin<input type="checkbox"/> Cara menyusu<input type="checkbox"/> Kepentingan menjaga taraf kehamilan<input type="checkbox"/> Dan lain-lain <p>(Terbuka kepada bukan ahli atau bakal bapa – dikenakan bayaran)</p> |

PEMBENTANGAN USUL BERTULIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE 21

| Jabatan / Induk PUSPANITA | AJK Induk PUSPANITA MBSP |
|--------------------------------------|--|
| Tajuk Usul | Pemberian cenderahati kepada Ahli & SURI mengikut perayaan Hari Raya Aidilfitri, Tahun Baru Cina, Deepavali dan Sambutan Hari Natal. |
| Penerangan Usul | Pemberian cenderahati sebelum ini adalah diberikan kepada semua ahli & SURI pada sambutan Hari Raya Aidilfitri. Bagi menceriakan semua ahli yang terdiri daripada pelbagai kaum, saya mencadangkan supaya cenderahati diberikan mengikut sambutan perayaan yang diraikan oleh ahli dan SURI. |

PEMBENTANGAN USUL BERTULIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE 21

| Jabatan / Induk PUSPANITA | Induk PUSPANITA MBSP |
|---------------------------|--|
| Tajuk Usul | Cadangan pengasingan Biro Kebajikan dan Pendidikan |
| Penerangan Usul | Cadangan pengasingan bagi biro ini adalah untuk pelaksanaan pengisian program yang lebih strategik dan sistematik. Biro Kebajikan akan melaksanakan program/aktiviti seperti program sumbangan kakitangan, kutipan tabung sinar kasih, ziarah kasih PUSPANITA MBSP dan sebagainya. Manakala bagi Biro Pendidikan akan melaksanakan program yang berbentuk <i>education & awareness</i> kepada ahli dan suri. |

PEMBENTANGAN USUL BERTULIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE 21

| Jabatan / Induk PUSPANITA | Induk PUSPANITA MBSP |
|----------------------------------|---|
| Tajuk Usul | Potongan Gaji Untuk Tabung Khairat Kematian |
| Penerangan Usul | Potongan gaji sebanyak RM 5.00 untuk tabung Khairat Kematian bagi Ahli dan SURI yang meninggal dunia. Pemotongan tersebut adalah untuk disumbangkan kepada keluarga/waris terdekat. |

PEMBENTANGAN USUL BERTULIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE 21

| Jabatan / Induk PUSPANITA | Induk PUSPANITA MBSP |
|---------------------------|---|
| Tajuk Usul | Cadangan Penggunaan Sejumlah Yuran PUSPANITA Untuk Mengisi Tabung Sinar Kasih |
| Penerangan Usul | Cadangan penggunaan sejumlah yuran PUSPANITA MBSP untuk mengisi tabung sinar kasih bagi ahli dan SURI yang beragama Islam. Wang tersebut adalah untuk disumbangkan kepada Tabung Sinar Kasih bagi melaksanakan program Ihya Ramadhan dan lain-lain program berbentuk kebajikan. |

RESTORASI AGUNG
PUSPANTA MPSP
KALI KE 20

18 Januari 2015 * Rabu * 08.00 Pagi
www.kubikatan.kerinci.mpsp

HAL-HAL LAIN

